


Bahagian A**[30 markah]***Soalan ini mesti dijawab.*

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan kerjaya. Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang faktor-faktor pemilihan kerjaya.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian B**[70 markah]**

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

- 1 Kemerosotan jumlah pelajar aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di negara kita telah memberikan implikasi terhadap daya tampung tenaga profesional bagi pembangunan negara pada masa hadapan. Hal ini disebabkan oleh penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam aliran STEM di sekolah menjadi faktor penurunan minat pelajar mengikuti jurusan ini. Selain itu, faktor kekurangan guru yang mampu menguasai subjek STEM turut menyebabkan permasalahan ini berlaku.

Sumber: www.bharian.com

Bincangkan faktor-faktor yang terdapat dalam petikan dan faktor lain yang menyebabkan kemerosotan jumlah pelajar dalam aliran STEM.

- 2 Isu kenaikan harga barangan bukan perkara baharu terutamanya ketika menjelang musim perayaan di negara kita. Pihak kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha termasuklah memperkenalkan inisiatif pengawalan harga melalui penetapan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Sumber: Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha lain yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu kenaikan harga barang.

- 3 Pemimpin yang berkualiti mampu memimpin kumpulannya mencapai kejayaan sehingga dapat menghasilkan produk atau perkhidmatan terbaik untuk kecemerlangan organisasi. Mereka juga perlu mempunyai sifat kebijaksanaan dan keperibadian tinggi dalam mencapai matlamat organisasi.

Sumber: www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan di atas, huraikan ciri-ciri pemimpin yang berkualiti.

- 4 Industri inap desa ataupun *homestay* semakin mendapat tempat dalam kalangan pelancong. Industri ini menjadikan pelancong dapat mengenali aktiviti kebudayaan dan warisan masyarakat setempat. Selain itu, pengusaha inap desa dapat menjana pendapatan yang lumayan. Sekiranya industri inap desa diusahakan dengan giat, industri ini juga mampu meningkatkan ekonomi negara.

Sumber: dewan.selangor.gov.my

Berdasarkan petikan di atas, tulis rencana berkaitan manfaat-manfaat industri inap desa.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT